

# **Perjumpaan Middle Years Programme International Baccalaureate : Ibu Bapa Pelajar SMK Pantai IB World School**



Satu perjumpaan khas pihak pengurusan sekolah dengan ibu bapa pelajar SMK Pantai IBWS diadakan pada hari Sabtu 14 April 2018 di Dewan Gemilang IB sekolah ini.

Perjumpaan khas ini adalah untuk memberi penjelasan tentang Tugasan Individu (Personal Project) yang perlu dibuat oleh semua pelajar Tingkatan Empat di bawah keperluan Pengiktirafan MYPiB.

Tahun ini merupakan tahun pertama pelaksanaan Tugasan Individu (personal project) bagi pelajar Tingkatan Empat selepas SMK Pantai diiktiraf sebagai iB World School dua

tahun lalu pada 23 Julai 2016

Personal Project ini membuka peluang kepada pelajar untuk menyediakan tugasan berdasarkan minat, bakat, kecenderungan serta kemahiran para pelajar. Setiap pelajar akan dibimbing oleh penyelia masing-masing, yang terdiri daripada guru-guru SMK Pantai IBWS sendiri.

Setiap guru mempunyai tiga hingga lima pelajar di bawah pengawasan. Pelajar diberi tempoh selama lapan bulan untuk menyiapkan tugasan masing-masing.

Sehubungan itu, para ibu bapa dan penjaga pelajar perlu diberi kefahaman jelas tentang Tugasan Individu anak-anak mereka supaya dapat memastikan semua tugas dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.



Para pelajar berpeluang mengembangkan bakat dan kemahiran masing-masing sebagai persediaan menghadapi cabaran yang lebih hebat di kolej dan universiti kelak.

Pengetua SMK Pantai IBWS, Sahar Misron berterima kasih atas kerjasama semua ibu bapa dan penjaga pelajar dapat menghadirkan diri pada hari Sabtu jam 8.00 pagi sebagai tanda keprihatinan dan sokongan pembelajaran anak-anak.

Perjumpaan ini diisi dengan ucapan Pengetua, Penyelaras MYPIB, Edora Ellias serta taklimat Personal Project oleh Penyelarasnya, Norlialah Abdulla. Selain itu tayangan video tentang Personal Project diharapkan memberi

kefahaman dan maklumat tambahan khasusnya kepada para pelajar dan para ibu bapa dan penjaga pelajar.

Disediakan oleh:

**ENCIK SAHAR BIN MISRON**

**PENGETUA**

**SMKP IBWS**

**14.4.18**

---

# **Program 3 Dalam Satu Bukti Kesepakatan Warga Sk Pekan Satu**



Labuan – 15 April 2018 satu tarikh bersejarah bagi seluruh warga sekolah kerana berjaya mengubah wajah SK Pekan Satu, hasil dari kesepakatan kukuh yang terjalin antara guru, ibu bapa, murid, Jabatan Kerajaan, Sektor Swasta, NGO dan komuniti Labuan.

Guru Besar SKPS, Puan Anita Shyamini berkata,

*objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan mood belajar murid-murid SKPS melalui peningkatan kualiti prasarana, kebersihan, keceriaan dan keselamatan sekolah ini.*

Aktiviti yang telah berjalan selama dua bulan pertama ini berfokus kepada kelas Pengajaran dan Pembelajaran murid-murid. Pada hari ini, program bertumpu sepenuhnya kepada keceriaan, kebersihan dan keselamatan seluruh kawasan sekolah. Guru Besar dan warga guru amat terharu melihat kesungguhan ibubapa dan agensi yang datang beramai-ramai membawa peralatan, tanpa mengira wang, masa dan tenaga

malah turut memberikan sumbangan yang luar biasa.

Program gotong-royong perdana dan pelancaran Patrol Denggi Peringkat Sekolah, telah berjaya dilaksanakan. Ini sekaligus memberi peluang kepada masyarakat setempat khususnya warga SKPS untuk beramah mesra bersama pemimpin tertinggi WP Labuan. Puan Lihan bt Alip selaku Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) dan juga penyelaras program tersebut meluahkan rasa bangga beliau atas kesanggupan ibubapa yang sanggup hadir pada hari tersebut.



Guru Besar SK Pekan Satu, menzahirkan rasa syukur dan terima kasih yang tidak terhingga atas kehadiran dan sokongan kepada Yang Berbahagia Senator Datuk Bashir Bin Hj Alias, Ahli Dewan Negara. Bersama dalam program itu, Puan Zaleha Bt Mohd Salleh, wakil Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan, juga sebagai pegawai angkat SKPS. Turut hadir, yang dihormati Ketua Polis Daerah Labuan, Tuan Mohd Farid Bin Ahmad, Yang dihormati ASP

Amy, pegawai perhubungan SKPS, Ketua MPP Zon 1 En S.K.Tan, Tn Hj Jaafar Bin Abu Bakar, Ketua Unit HEM, Penyelaras Rasmi Denggi Patrol WPL, En Mamduh B Zakaria , YDP PIBG SKPS, En Azhar Bin Sabar. YDP PIBG PPKI, Persatuan PERKIP, Skuad Tangan Bersalaman- dari balai Polis Labuan, JKR En Hartono, Wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat En Ali, Penyelaras Program hari ini, Puan Norlihan Bt Alip, GPKHEM serta Semua Guru Penolong Kanan SKPS, Semua Ahli Jawatankuasa Program, guru-guru, waris, para sukarelawan, semua yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung, dan semua murid-murid.

Dalam program ini YB mengucapkan tahniah di atas penganjuran program 3 dalam 1 ini kerana berjaya menyemarakkan semangat kerjasama dalam kalangan warga sekolah dan agensi luar. Beliau turut menyarankan agar semua hadirin bersatu padu memberikan sokongan dalam semua aktiviti sekolah supaya terus melangkah ke hadapan untuk kejayaan murid.

Disamping itu, beliau juga mengharapkan agar permuafakatan warga Labuan dapat diteruskan dalam membuat pilihan yang tepat bagi menentukan kepimpinan masa hadapan di WP Labuan. Kehadiran seramai 1020 orang ke program ini membuktikan betapa warga WP Labuan sangat komited terhadap kemenjadian dan kecemerlangan murid dan sebagai tanda sokongan penuh kepada YB Datuk Senator WP Labuan. Tambahan itu , Yang Berhormat telah memberi bantuan sumbangan sejumlah RM1500 kepada PIBG SKPS untuk menyokong aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan pada masa akan datang .



Selepas pelancaran Patrol Denggi oleh Yang Berhormat dibawa melawat ke setiap kelas yang telah ditransformasikan mengikut aspek pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Selepas itu Yang berhormat juga telah turut sama membantu dalam aktiviti gotong royong tersebut. Diharap program seumpama ini akan sentiasa mendapat tempat di hati para waris dalam usaha membangun anak-anak bakal generasi pemimpin masa hadapan WP Labuan.

SKPS truly number 1!  
Labuan Hebat Guru Sayang Muridnya,  
Kemenjadian dan kecemerlangan murid bermula disini.

---

# **SMK Mutiara Johan Hoki Dalam Karnival Mini Hoki**



Labuan/ 14 April – SMK Mutiara telah menghantar wakil bagi acara hoki (bawah 18 tahun) sempena Karnival Mini Hoki bertempat di SK Bukit Kalam sabtu lalu. Sebanyak 2 pasukan iaitu Mutiara A dan Mutiara B telah menyertai pertandingan hoki dan bertanding dengan 6 buah sekolah yang lain. Kedua-dua pasukan telah mendapat tempat iaitu johan (Mutiara A) manakala naib johan (Mutiara B). Antara lain, karnival telah dirasmikan oleh Penolong Kanan Kokurikulum SK. Bukit Kalam. Turut hadir sama Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK. Bukit Kalam.



Pasukan hoki SMK Mutiara  
johan dan naib johan  
kejohanan hoki

---

**SK Pekan Satu dinobatkan  
Johan Pertandingan  
Bercerita Dalam Majlis  
Tadarus Al Quran Sekolah  
–Sekolah Peringkat Wilayah  
Persekutuan Labuan Kali Ke  
18 Tahun 2018 M/1439H**



**Labuan** – SKPS menjadi Johan dalam pertandingam bercerita dalam Majlis Tadarus AlQuran Sekolah-sekolah W.L.P yang diadakan baru-baru ini di Sekolah Menengah Sains Labuan pada 14 April 2018 (Sabtu).

Beberapa kategori dipertandingan dalam program itu termasuk tilawah , pertandigan bercerita , hafazan ,syarahan secara spontan dan lain-lain.

Adik Muhammad Amnan Syibri bin Samsul berjaya mengharumkan nama sekolah dengan menjadi Johan dalam kategori Bererita kisah-kisah dari Al Quran lelaki . Manakala , adik Nur Dhia Zayani bt Mohammad Fardly telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam kategori perempuan dalam pertandingan Hafazan .

‘Walaupun adik Dhia Zayani mendapat tempat yang ketiga , beliau masih boleh terus mencuba pada tahun-tahun yang akan datang memandangkan beliau kini berada di tahun 2 dan mempunyai bakat yang besar. “Dia (Dhia) mempunyai potensi yang besar pada masa hadapan. Jika digilap, saya yakin dia mampu lakukannya (menjadi johan) jika dilatih dan dibimbing dengan lebih giat lagi.”,kata Ustazah Dayang Faridah bt Besarr selaku guru pembimbing dan pengiring peserta .



Majlis Tadarus Al Quran turut dihadiri oleh tetamu terhormat En Hasbullah bin Habit selaku Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan .Dalam ucapannya, en Hasbullah menggesa semua sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan ini supaya tidak ketinggalan menyertai aktiviti berunsurkan keagamaan bagi menerapkan nilai-nilai Islam secara teori dan praktikal kepada murid.

“Program seperti ini dapat menilai kemajuan murid dalam menghayati Islam dan menyemaikan kesedaran ibu bapa terhadap pentingnya pendidikan agama untuk anak-anak,” katanya.

---

## **Perhimpunan Guru 1Labuan dan Pelancaran Deklarasi 1B, Jabatan Pendidikan WP Labuan**



**Labuan** – Majlis Perhimpunan Guru 1Labuan yang dihadiri oleh 500 guru di Wilayah Persekutuan Labuan telah berlangsung pada 5hb April 2018 bertempat di Dewan Utama, Sekolah Antarabangsa Labuan (LIS).

Dalam ucaptama, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Encik Raisin Saidin menzahirkan rasa syukur kerana keputusan peperiksaan UPSR, SPM dan STPM mencatatkan momentum peningkatan dari tahun ke tahun.

Beliau berkata tiada sebab untuk murid di Labuan tidak berjaya menguasai tahap minimum dalam peperiksaan yang dihadapi dan pentadbir sekolah perlu sentiasa memberi galakkan kepada murid untuk sentiasa hadir ke sekolah setiap hari.

Pada tahun 2018, program ‘Guru Inspirasiku’ diperkenalkan di Labuan bagi meningkatkan motivasi kepada guru agar sentiasa menjadi inspirasi dan contoh tauladan kepada murid untuk berjaya.

*Jadilah seorang guru di mana keberadaannya dirasai dan ketiadaannya dirindui, ujar Encik Raisin Saidin*

Para guru perlu mengharungi cabaran mendatang terutama dalam Pembelajaran Abad ke 21 dan Revolusi Industri 4.0 bagi mempersiapkan anak-anak murid Labuan yang gemilang. Amalan baik murid merupakan saham terbesar guru dunia dan akhirat.

Pelbagai kejayaan yang dicapai oleh murid-murid Labuan pada tahun 2017 samada dari segi akademik, ko kurikulum mahupun dalam bidang sukan.

Pada masa yang sama Deklarasi 1B (1Borneo) Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah dilancarkan dan ia adalah janji usaha warga pendidikan Labuan bagi mencapai matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Deklarasi 1B telah dibuat pada 21 Februari 2018 di 1Borneo, Kota Kinabalu yang lalu oleh barisan pengurusan tertinggi Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, mempunyai 19 deklarasi yang menjadi hala tuju warga pendidikan di Labuan ini untuk mencapai hasrat melangkah ke hadapan bagi mencemerlangkan Kualiti Sekolah dan Kemenjadian Murid.



Para Guru Besar WP Labuan bersama ‘bunting’ deklarasi 1Borneo

“Antara salah satu deklarasi tersebut adalah menjadikan Jabatan Pendidikan WP Labuan berada antara lima terbaik dari kalangan 16 Jabatan Pendidikan Negeri seluruh negara yang mantap dari semua aspek pengurusan pendidikan”

“Kami juga komited memastikan sumber-sumber pendidikan digunakan secara optimum bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran juga merupakan salah satu deklarasi yang terkandung di dalam Deklarasi 1B,” ujarnya.

Encik Raisin Saidin komited dengan Program Pengarah Sayang Sekolah yang dijalankan mampu memberi impak bukan sahaja tahap pencapaian keputusan peperiksaan dapat dipertingkatkan malahan luahan hati warga pendidik Labuan dapat didengarinya melalui lawatannya ke sekolah-sekolah dengan berinteraksi sendiri dengan guru-guru dan murid-murid.

“Kerjasama yang erat juga oleh warga pendidikan Labuan dengan pemimpin-pemimpin tempatan seperti ketua-ketua kampung dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) juga dapat merungkap segala solusi bagi memartabatkan pendidikan di Pulau Bebas Cukai ini” katanya.

---

## Kem Eksplorasi KBAT 2018



**Kota Kinabalu, Sabah** – Kem Eksplorasi KBAT 2018 Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah berlangsung pada 3 hingga 5 April 2018 di Kota Kinabalu, Sabah. Kem selama 3 hari ini di sertai seramai 66 orang pelajar tingkatan 4 dari Sekolah Menengah Mutiara dan Kolej Vokasional Wilayah Persekutuan Labuan dan merupakan calon-calon ujian *Programme for International Student Assessment (PISA)* yang di anjurkan oleh *The Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*.

Kem yang berjalan di seluruh negara ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar kaedah dan teknik menjawab soalan-soalan ujian PISA yang akan berlangsung pada 17 hingga 18 April 2018 serentak di seluruh negara.



Jurulatih PISA, En Kamil Bin Rejab dari SMK Mutiara memberi taklimat dalam domain Sains kepada pelajar.

PISA merupakan penilaian khusus bagi pelajar-pelajar yang berumur 15 tahun. Penilaian selama 3 jam ini akan menilai 3 domain utama iaitu matematik, sains dan Literasi. PISA akan membantu dalam pembangunan dasar

pendidikan yang bersetujuan untuk mewujudkan suasana pembelajaran dan sistem pendidikan yang cemerlang.

Majlis perasmian penutupan diadakan pada malam 4 April 2018 dan di sempurnakan oleh Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Encik Raisin Bin saidin. Turut hadir dalam majlis itu ialah En Kasdi bin Kamin, Penolong Pengarah Unit Matematik Menengah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Ketua Sektor Pengurusan Akademik, Puan Norismah Binti Abd Moin, Pengetua SMK Mutiara, En Loren Abon dan Timbalan Pengarah Kolej Vokasional Labuan, En Barawi Bin Sapar.



En Kasdi (dua dari Kanan) menyaksikan penyampaian hadiah oleh Pengarah Pendidikan

Dalam ucapannya, beliau meminta agar semua pelajar yang telibat dalam ujian PISA 2018 agar bersungguh-sungguh ketika penilaian sebenar dijalankan. Ini kerana mereka bukan sahaja mewakili sekolah, tetapi merupakan duta negara yang mewakili Malaysia dalam meningkatkan martabat pendidikan negara di persada dunia.

Beliau juga berterima kasih kepada semua jawatankuasa yang bertungkus lumus menjayakan kem ini. Di akhir

majlis, beliau menyampaikan hadiah kepada pelajar yang cemerlang dan menyanyikan bersama-sama pelajar lagu “Gemuruh” nyanyian Faizal Tahir, “*Standing in the eyes of the world*” nyanyian Ella dan lagu “fikirkan boleh” nyanyian kumpulan Metropolitan.



Semua peserta Kem menyanyikan lagu bersama-sama para VIP

**Sumber Berita :**

**Encik Inanis Fatinisupi bin Abdullah**

**Sektor Pengurusan Akademik**

---

**Pusat Kitar Semula Dan  
Sukarelawan Bantu PIBG**

# Sekolah Menengah ST. Anthony



7 April 2018-Pusat Kitar Semula Labuan ( Recycle Centre ) telah menyumbangkan RM1,000.00 kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru ( PIBG ) Sekolah Menengah St. Anthony. Menurut wakil Pusat Kitar Semula , ini merupakan sebahagian daripada projek amal mereka dalam membantu masyarakat di Wilayah ini. Pada tahun ini mereka memilih untuk membantu sekolah.

Sumbangan yang sama telah diberikan kepada sekolah ini pada tahun 2013 sebanyak RM2,000.00.

Encik Chia Sia Theng selaku Yang DiPertua PIBG SM St. Anthony, mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Kitar Semula Labuan kerana sudi membantu pihak sekolah. Chia menyatakan sumbangan ini akan disalurkan ke dalam akaun Fund Raising PIBG untuk menambah dana bagi projek membina Dewan Berbumbung Sekolah yang dijangka akan bermula pada pertengahan bulan Mei tahun 2018.

Chia mengalu-alukan pihak NGO yang bermurah hati untuk menderma dana bagi projek ini. Menurut Pengetua sekolah , SM. St. Anthony mempunyai 438 orang murid yang terdiri daripada murid pelbagai kaum yang majoritinya murid berbangsa Cina iaitu lepasan murid dari SJK ( C ) Chi Wen dan SJK ( C ) Chung Hwa, bumiputera Sabah , Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dari SKK St. Anne, SK Pekan 1, SK Pekan 2, SK Patau Patau , SKK Rancha Rancha dan juga SK Membedai. Beliau turut mengucapkan terima kasih dan rasa syukur kerana pihak NGO sudi membantu sekolah ini.

---

## **SMK Labuan Ungguli Pertandingan Menembak PKBM (Darat) Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2018**



**Kota Belud, Sabah – SMK Labuan mengungguli Pertandingan**

Menembak Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (Darat) dalam kategori jatuhan piring dan kategori M16 jarak 100 meter, apabila dinobatkan sebagai johan keseluruhan.

Pertandingan yang dikelolakan oleh Jabatan Pendidikan WP Labuan dan 51 Kompeni Komposit Kor Perkhidmatan DiRaja Markas Tentera Darat WP Labuan telah diadakan di Lapang Sasar, Kem Paradise Kota Belud, Sabah bermula 28 Mac sehingga 31 Mac 2018.



Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (Darat) SMK Labuan

Penembak SMK Labuan Muhammad Raihan bin Badul telah dinobatkan sebagai penembak terbaik M16 jarak 100 meter. Manakala Mohd Izzat Iqmal bin Matzain dari SMK Ranch-Rancha di tempat kedua dan Sharil Azrin bin Samsudin juga dari SMK Labuan di tempat ketiga.

Nurul Nadiah binti Samihon muncul sebagai penembak terbaik M16 jarak 100 meter kategori perempuan, diikuti oleh NoorShakiela Jaunudin dan Siti Safariena Samsudin, kesemua perserta dari SMK Labuan.



Encik Raisin Saidin menyampaikan sijil kepada Johan Menembak Lelaki dan Perempuan Muhammad Raihan, Nurul Nadiah sambil diperhatikan oleh Encik Ismail dan Encik Omar Baki

Menurut Ketua Unit Pasukan Badan Beruniform, SPPK, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, En Mohd Aminuddin bin Abdul Malek , seramai 46 orang Kadet PKBM (Darat) SMK Labuan dan 10 orang Kadet PKBM (Darat) SMK Rancha-Rancha menyertai pertandingan yang berlangsung selama 3 hari ini.

Objektif pertandingan ialah memberi peluang kepada peserta menggunakan senjata sebenar Rifel M16 dengan menggunakan peluru hidup, meningkatkan ilmu pengetahuan, berdisiplin, berketrampilan dan sanggup berkorban untuk kemajuan agama, bangsa dan negara. Selain, meningkatkan perpaduan dan saling hormat menghormati dalam kalangan anggota yang berlainan kaum dan agama.



### Jemputan khas bersama jurulatih

Dalam program sama, jemputan khas Pengarah Pendidikan JPWPL Encik Raisin Saidin, Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah, Pengetua SMK Rancha-Rancha Encik Omar Baki Matusin berkesempatan menggunakan senjata Rifel M16 dan menembak jatuhan piring dalam satu demonstrasi khas yang dibimbing oleh jurulatih-jurulatih PKBM (Darat) yang diketuai oleh Mejari Rosli bin Daud, Pegawai memerintah 51 Kompeni Komposit KPD.

Guru-guru PKBM (Darat) yang terlibat ialah Leftenan Siti Aminah binti Ahmad Ramli, Leftenan Muda Ramlah binti Basiran, Leftenan Muda Mohd Suffian bin Ismail, Leftenan Muda Muhammad Sharafuddin bin Iliah, Seri Kandi binti Muali dari SMK Labuan dan Zaharah binti Mat Jali dari SMK Rancha-Rancha.



Jemputan dari kiri Encik Omar Baki, Encik Ismail, Encik Raisin Saidin, Encik Mohd Aminuddin dan Lt Muhammad Zulfadil Mustafa (Pegawai Latih PKBM)



Gambar Kenangan : Encik Raisin Saidin bersama rifel M4 dan Encik Ismail

**Sumber Berita : Encik Ismail Abdullah, Pengetua SMK Labuan**

---

# **Kursus Pengurusan Organisasi Penolong Kanan 2018**

## **Pengupayaan Kepimpinan**



**LABUAN Majlis Pengetua Sekolah Malaysia ( MPSM ) Wilayah Persekutuan Labuan telah mengorak langkah untuk mengadakan Kursus Pengupayaan Pengurusan Kepimpinan Organisasi Penolong Kanan sekolah menengah tahun 2018 khusus kepada penolong-penolong kanan di sekolah menengah.**

Ini selaras dengan Langkah ke tiga dalam Perancangan Intervensi Lima Langkah ( PILL ) dalam DTP, Kementerian

Pendidikan Malaysia, iaitu memberikan input-input amalan terbaik yang diamalkan di sekolah-sekolah khususnya kepada pemimpin pertengahan.

Secara umumnya kursus ini dapat membantu pemimpin pertengahan yang terdiri daripada Penolong-penolong Kanan Sekolah Menengah untuk meningkatkan keupayaan mereka sebagai pemimpin Instruksional yang berkesan dan mempunyai kompeten yang tinggi sebagai peneraju, pembimbing, pendorong dan pengurus organisasi di peringkat sekolah sebagai pemimpin pelapis kepada pengetua.

Adalah diharap dengan pelaksanaan kursus dan program ini para peserta akan dapat meningkatkan pengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pengurusan kepimpinan organisasi.

Mereka juga berupaya dan mempunyai gaya kepimpinan sebagai peneraju, pembimbing dan pendorong warga sekolah secara profesional dan terancang. Selain itu, mereka juga dapat menghayati peranan dan tanggungjawab sebagai penolong kanan secara professional dan kompeten yang melibatkan penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan HEM dan Penolong Kanan Kokurikulum.

Kursus ini dijalankan dalam empat slot siri ceramah dan bengkel selama dua hari bermula pada 26 – 27 Mac 2018 di Bilik Benua, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Wilayah Persekutuan Labuan.



Penceramah kursus, Encik Salim dan peserta kursus

Ceramah dan bengkel di bimbing oleh Dr Zakaria bin Othman Pegawai SIP+ Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran Sabah, Puan Hjh Sharifah binti Ghul Hassan SIP+ Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu, Sabah, Encik Salim bin Tahir SIP+ Pejabat Pendidikan Daerah Papar, Sabah, Puan Linna binti Hassan SIP+ Pejabat Pendidikan Daerah Semporna, Sabah, Puan Winnie Phan, SIP+ Pejabat Pendidikan Daerah Penampang, Sabah dan Encik Yusuf bin Hj. Mohamad SIP+ Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Slot pertama Kepimpinan Instruksional yang dipimpin oleh Dr Zakaria bin Othman melalui ceramah dan bengkel kepimpinan instruksional. Slot kedua Kajian Tindakan yang disampaikan oleh Puan Hjh Sharifah binti Ghul Hassan melalui ceramah dan juga bengkel.

Di sebelah petang ceramah dan bengkel berkaitan Perancangan Strategik yang disampaikan oleh Encik Salim bin Tahir. Pada hari kedua, diteruskan dengan ceramah dan bengkel berkaitan *Goal Setting* yang dibimbing oleh Puan Winnie Phan dan Puan Linna binti Hassan.

Majlis penutupan kursus disempurnakan oleh Ketua Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, wakil rasmi pengarah Pendidikanan Labuan Puan Norismah binti Hj Abdul Moin.

Dalam ucapannya, beliau memuji tindakan yang diambil oleh MPSM Wilayah Persekutuan Labuan dalam menyahut cabaran Pendidikan Abad ke-21 (PAK 21) dengan memperkayakan ilmu berkaitan kepada pemimpin pelapis di sekolah. Beliau juga mengingatkan peserta kursus agar mempraktik ilmu yang diperoleh di sekolah selain peserta kursus akan diselia oleh MPSM sehingga bulan Ogos 2018.



Penyampaian sijil penghargaan kepada penceramah Dr Zakaria oleh Puan Norismah

Dalam ucapan aluan, Yang Dipertua MPSM Wilayah Persekutuan Labuan Encik Omar Baki bin Matussin yang juga Pengetua SMK Rancia-Rancia mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan yang memberikan kerjasama dan memberikan peruntukan kewangan untuk mengadakan kursus berkenaan.

Beliau juga berterima kasih kepada semua jawatankuasa

yang bertungkus lumus menjayakan kursus berkenaan. Di akhir majlis penyampaian sijil dan cendera mata kepada penceramah dan juga kepada peserta kursus oleh perasmian.

**Berita Oleh : Encik Mohd Jamatin Abd Latip, Pengetua SMK Lajau, merangkap Timbalan YDP MPSM Labuan**

---

## **Perhimpunan Mingguan SMK Rancha-Rancha**



**Labuan, 2 April** – Sebagai rutin, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan diketuai oleh Pengarah Pendidikan, Encik Raisin Saidin telah turun padang sekali lagi bersama-bersama Ketua-ketua Sektor ke sekolah bagi melihat sendiri perkembangan dan suasana persekolahan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pada kali ini, SMK Rancha-Rancha telah dipilih sebagai destinasi sekolah yang dilawati dan rombongan Jabatan berpeluang menghadiri Perhimpunan Mingguan sekolah tersebut.

Dalam ucapan aluan, Pengetua SMK Rancha-Rancha, Encik Omar Baki Matusin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kontingen olahraga SMK Rancha-Rancha ke kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan kerana berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan dengan mendapat 4 pingat emas, 3 perak, 2 gangsa dan memecahkan satu rekod kejohanan.

Semasa ucapan kepada warga SMK Rancha-Rancha, Pengarah Pendidikan Encik Raisin Saidin menuntut dan mendoakan agar semua calon yang mengambil peperiksaan SPM 2018 menguasai serta mencapai lulus 100%.

*Jadilah anak-anak yang sentiasa aktif, bukan menjadi pelajar biasa-biasa tetapi sentiasa berusaha dan bertekad menjadi pelajar yang luar biasa agar dapat menghasilkan kejayaan yang luar biasa.*

Encik Raisin Saidin juga mengharapkan pelajar-pelajar SMK Rancha-Rancha sentiasa hadir penuh 100% ke sekolah dan bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan demi kehidupan di masa hadapan.

Secara keseluruhannya, Perhimpunan Mingguan berjalan dengan lancar dan aktiviti perhimpunan dikelolakan sendiri oleh pelajar-pelajar SMK Rancha-Rancha. Syabas dan tahniah diucapkan.

Turut Hadir, Semua Penolong Kanan, Ketua-ketua bidang dan guru-guru SMK Rancha-Rancha.



Encik Raisin Saidin menyampaikan amanat kepada warga sekolah SMK Rancha-Rancha